

13/09/2003

PM mahu atlit terus usaha tingkat pencapaian

Lukman Salleh

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu ahli sukan menjadikan kejayaan penakluk Selat Inggeris Datuk Abdul Malik Mydin dan dua jagoan badminton Muhammad Hafiz Hashim dan Wong Choong Hann sebagai perangsang bagi merebut kembali kecemerlangan dalam bidang sukan.

Dr Mahathir berkata, pencapaian mereka ini bukan saja menambah lagi rekod kejayaan wira negara, bahkan membuktikan bahawa dengan disiplin, dedikasi dan semangat waja, rakyat Malaysia boleh mencapai kejayaan dalam apa jua bidang sekalipun.

Justeru, Perdana Menteri berharap kejayaan mereka itu semestinya menyemarakkan semangat dan mengukuhkan lagi keazaman untuk terus mencipta kejayaan.

"Kerajaan berbangga di atas kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai oleh atlit sukan negara dalam mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa," kata Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen, semalam.

"Terkini, perenang maraton negara merupakan warga pertama Asia Tenggara berjaya merenangi Selat Inggeris. Dengan ketahanan fizikal dan kekuatan mental serta kecekalan semangat, ombak besar setinggi tiga meter berjaya diharungi, air laut sesejuk air batu berjaya ditahani.

"Pemain badminton kita juga telah berjaya menjadi juara Seluruh Englan dan naib juara Kejohanan Badminton Dunia. Jadikannya ini sebagai perangsang bagi kita merebut kembali kecemerlangan dalam bidang sukan," kata Dr Mahathir.

Ahli sukan negara mencatat kejayaan cemerlang tahun ini dengan kejayaan pemain badminton Muhammad Hafiz muncul juara perseorangan kejohanan berprestij Seluruh England, sekali gus menamatkan penantian negara selama lebih 32 tahun.

Kemudian rakan sepasukan Choong Hann menggegar Dewan Badminton Tertutup Birmingham apabila menjadi pemain perseorangan pertama negara melangkah ke perlawanan akhir Kejohanan Dunia bulan lalu dan muncul naib juara selepas memberikan persembahan luar biasa.

Pada hari yang sama Choong Hann muncul naib juara di Birmingham, seorang anak muda dari Pulau Pinang Abdul Malik sedang bertarung di tengah lautan dan selepas berada dalam air lebih 17 jam, dia berjaya sampai ke Calais, Perancis sekali gus mencapai impian merentasi Selat Inggeris.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri turut menasihatkan ahli sukan yang mendapat pelbagai ganjaran dan hadiah daripada pihak kerajaan negeri, sektor korporat dan NGOs supaya tidak terlalu terpengaruh dengan habuan ini.

"Kerajaan amat berterima kasih kepada semua pihak, termasuk kerajaan negeri, sektor korporat dan NGO yang telah memberikan pelbagai hadiah kepada juara-juara sukan.

"Saya berharap, mereka tidak terlalu terpengaruh dengan habuan ini, tetapi terus berusaha untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka," kata Perdana Menteri, sebagai satu simbolik amanat terakhirnya kepada ahli sukan negara.